



Sambutan kemerdekaan perlu sarat pengisian sejarah, bina jati diri rakyat – Dato' Mohd Amar

Penguatkuasaan buang sampah diperkasa melalui khidmat masyarakat

PMBK lancar Polisi Tadbir Urus Syariah Korporat

Anak muda bebas kritik, kemuka pandangan berasaskan ilmu dan fakta – Dato' Wan Roslan

Generasi muda perlu dikuasai ilmu agama, hadapi cabaran semasa - MB Kelantan

Oleh: Irham Hilmi Hashim

KOTA BHARU, 19 Ogos – Generasi muda perlu menguasai ilmu agama secara mendalam dan berasaskan sumber yang sahih bagi menghadapi cabaran semasa, terutama dalam mendepani pelbagai tafsiran terhadap Islam, hukum dan perundangan yang boleh mengelirukan masyarakat.

Menteri Besar Kelantan YAB Dato' Panglima Perang Dato' Mohd Nassuruddin Daud berkata, kefahaman agama tidak seharusnya dibentuk hanya berdasarkan petikan ayat al-Quran atau hadis secara terpisah tanpa memahami konteks, tafsir dan disiplin ilmu berkaitan.

"Allah memberikan kebaikan kepada seseorang dengan memberinya kefahaman yang mendalam dalam agama. Bukan sekadar faham secara mendatar, tetapi faham dengan sungguh-sungguh," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan Majlis Penyampaian Skim Bantuan Imam Al-Ghazali Siri Ke-18 di Dewan Yayasan Islam Kelantan (YIK), Bandar Baharu Tunjong, di sini, hari ini.

Menurutnya, penguasaan ilmu yang kukuh semakin penting ketika masyarakat berhadapan dengan cabaran pemikiran dan kepelbagaian tafsiran berkaitan agama yang memerlukan penelitian berdasarkan disiplin ilmu yang tepat.

Selubungan itu, beliau mengingatkan pelajar supaya mendalami ilmu tafsir bagi memahami ayat al-Quran dan hadis secara menyeluruh termasuk konteks penggunaan sesuatu istilah yang boleh membawa makna berbeza.

Dalam pada itu, Dato' Mohd Nassuruddin berkata, ilmu perlu menjadi keutamaan dalam kehidupan serta dituntut dengan niat yang betul kerana fungsinya bukan sekadar memberikan pengetahuan, ma-



lah membimbing manusia membezakan antara kebenaran dengan kebatilan serta kebaikan dengan keburukan.

"Perkara pertama yang kita kena betulkan ialah niat. Kita menuntut ilmu kerana Allah dan mencari keredaan-Nya, bukan semata-mata untuk mendapatkan matlamat dunia," jelasnya.

Beliau turut mengingatkan, nilai ilmu mengatasi harta kerana ilmu menjadi panduan dan pelindung kepada manusia sepanjang kehidupan.

"Ilmu menunjukkan kepada kita mana yang baik dan mana yang buruk, mana yang benar dan mana yang salah. Ilmu membantu menjaga kita, tetapi harta pula kita yang perlu menjaganya," ujarnya.

Mengambil ketokohan Imam Al-Ghazali sebagai teladan, beliau berkata kemiskinan dan status sebagai anak yatim tidak menghalang tokoh berkenaan mencapai kedudukan tinggi dalam dunia keilmuan sehingga dikenali sebagai Hujjatul

Islam serta menjadi rujukan dalam bidang fiqah, tasawuf, akidah dan falsafah.

Justeru, beliau menegaskan faktor kemiskinan atau latar belakang keluarga tidak seharusnya menjadi penghalang kepada pelajar untuk memperoleh pendidikan.

Menurutnya, pelbagai bentuk bantuan pendidikan disediakan melalui YIK, Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK), Kerajaan Negeri menerusi syarikat berkaitan kerajaan (GLC) serta agensi lain bagi membantu pelajar yang memerlukan.

Beliau turut menyeru penerima Skim Bantuan Imam Al-Ghazali supaya memanfaatkan peluang pendidikan sebagai satu amanah dengan belajar bersungguh-sungguh sebelum menyumbangkan kembali ilmu kepada agama, masyarakat dan negeri.

Skim Bantuan Imam Al-Ghazali yang disalurkan melalui Perbadanan Menteri Besar Kelantan (PMBK) merupakan inisiatif

“

Ilmu menunjukkan kepada kita mana yang baik dan mana yang buruk, mana yang benar dan mana yang salah. Ilmu membantu menjaga kita, tetapi harta pula kita yang perlu menjaganya.”

sokongan pendidikan kepada pelajar terpilih daripada sekolah kelolaan YIK, khususnya mereka yang mempunyai potensi akademik dan memerlukan bantuan kewangan.

Menurut PMBK, skim yang memasuki tahun ke-18 itu telah memberi manfaat kepada 2,200 pelajar sepanjang tempoh 2009 hingga 2025 dengan nilai keseluruhan sumbangan dianggarkan RM1.9 juta.

Jumlah penerima turut meningkat daripada 50 pelajar bagi setiap sesi pada 2009 kepada 75 pelajar mulai 2014, seterusnya 100 pelajar mulai 2023. Kadar bantuan pula dinaikkan kepada RM100 sebulan mulai 2024.

Dato' Mohd Nassuruddin berharap bantuan tersebut dimanfaatkan sepenuhnya bagi membolehkan penerima mencapai kecemerlangan pendidikan serta menjadikan ilmu sebagai bekalan membina kehidupan dan memberi manfaat kepada ummah.



Sambutan kemerdekaan perlu sarat pengisian sejarah, bina jati diri rakyat – Dato' Mohd Amar



Oleh: Syamimi Manah

KOTA BHARU, 19 Ogos - Sambutan kemerdekaan di sekolah, pejabat kerajaan, agensi serta pelbagai institusi perlu sarat dengan pengisian sejarah negara secara berterusan bagi membina kesedaran, jati diri dan semangat patriotik dalam kalangan rakyat, khususnya generasi muda.

Speaker Dewan Negeri Kelantan YB Dato' Sri Amar D'Raja Dato' (Dr.) Mohd Amar Abdullah berkata, sambutan Hari Kebangsaan pada 31 Ogos seharusnya menjadi kemuncak kepada penghayatan kemerdekaan yang telah dibina lebih awal, bukannya satu-satunya masa untuk masyarakat mengingati seja-

rah negara.

“Cara sambut merdeka yang kita buat ini tidak sepatutnya berlaku pada hari itu sahaja. Pengisian kemerdekaan ini bukan sehari. 31 Ogos itu kemuncak, tetapi pengisian perlu berlaku lebih awal,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika menjadi panel Live FOKUS Siri 14: Erti Kemerdekaan Yang Sebenar anjuran Urus setia Penerangan dan Komunikasi Negeri Kelantan (UPKN) di Studio Kelantan TV, di sini, semalam.

Menurutnya, pendidikan khususnya di sekolah memainkan peranan penting dalam memastikan generasi muda memahami sejarah perjuangan negara serta pengorbanan generasi terdahulu dalam membebaskan tanah air daripada penjajahan.

Katanya, pengetahuan sejarah bukan sekadar untuk mencapai keputusan akademik, sebaliknya penting dalam membentuk kesedaran dan jiwa kecintaan kepada negara.

“Sejarah ini penting kerana ia

membina jati diri kita. Bila kita tahu bagaimana susur galur kita, kita pernah dijajah oleh bangsa itu dan bangsa ini, serta bagaimana nenek moyang kita berjuang membebaskan negara, ia membina kesedaran dan kemudian membina jiwa,”ujarnya.

Dato' Mohd Amar berkata, pendekatan pendidikan perlu memberi perhatian kepada aspek pembentukan jati diri selain pencapaian akademik kerana generasi muda perlu memahami latar sejarah negara untuk menghayati makna kemerdekaan.

Dalam masa sama, beliau berkata pendekatan terhadap generasi baharu termasuk Gen Z perlu disesuaikan dengan karakter dan kreativiti mereka tanpa menyalahkan generasi tersebut kerana mempunyai cara berfikir serta pendekatan yang berbeza.

“Kita tidak salahkan generasi baharu. Mereka mempunyai cara yang berbeza dan kreatif. Tetapi fokus kita selama ini banyak kepada akademik, pencapaian dan keputusan,” jelasnya.

Beliau turut menyarankan supaya pengisian sambutan kemerdekaan di sekolah, pejabat kerajaan dan agensi tidak terlalu tertumpu kepada aspek hiburan, sebaliknya diseimbangkan dengan program yang dapat meningkatkan kesedaran sejarah, semangat patriotik dan kecintaan kepada negara.

Menurutnya lagi, semangat cintakan negara perlu dibina sehingga menjadi sebahagian daripada kehidupan rakyat dan bukan hanya ditunjukkan ketika sambutan Hari Kebangsaan.

Dato' Mohd Amar turut mengambil contoh Indonesia yang mempunyai semangat patriotik yang lebih sehati dalam kehidupan rakyat hasil penekanan terhadap identiti dan sejarah negara.

Beliau menegaskan, usaha berterusan melalui pendidikan dan pengisian kemerdekaan mampu melahirkan generasi yang bukan sahaja mengetahui sejarah negara, bahkan memahami nilai pengorbanan terdahulu serta menghargai kemerdekaan yang dinikmati hari ini.

Dato' Rohani santuni dua keluarga diuji kehilangan anak

Oleh: Syamimi Manah

KOTA DARULNAIM, 17 Ogos - Exco Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita YB Dato' Rohani Ibrahim hadir menziarahi dua keluarga di Guchil, Kuala Krai yang berdepan ujian berat selepas kehilangan dua anak dalam tragedi lemas di Kampung Aur Duri, Kuala Krai pada 11 Ogos.

Dalam kunjungan itu, Dato' Rohani menzahirkan rasa simpati dan sokongan terhadap keluarga mangsa dan menyifatkan pemergian kedua-dua anak berkenaan sebagai satu kehilangan yang amat berat.

“Tiada kata yang mampu menggambarkan kesedihan yang sedang dirasakan oleh kedua-dua keluarga. Semoga mereka terus diberikan kekuatan, ketabahan dan kesabaran dalam menghadapi ujian yang amat



berat ini,” katanya di laman rasmi, semalam.

Menurutnya, manga pertama, Allahyarham Lut Na'iman Mohd Noor Aziron, 14, ditemukan oleh Pasukan Penyelamat Di Air (PPDA) Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) pada hari kedua operasi mencari dan menyelamat, pada pukul 9.10 pagi.

Manakala mangsa kedua, Allahyarham Muhamad Rayyan Hakimie

Mohd Yusmiza, 14, ditemukan selepas empat hari pencarian oleh pasukan Task Force Skuad Bantu kira-kira 51 kilometer dari lokasi kejadian, di Kampung Bandar Pulau Chondong, Machang.

Tambahnya, Kedua-dua mangsa merupakan pelajar Sekolah Menengah Sultan Yahya Petra, Kuala Krai.

Dalam pada itu, Dato' Rohani turut menitipkan doa agar kedua-dua keluarga berkenaan diberikan

kekuatan untuk menghadapi kehilangan insan tersayang.

Beliau turut mendoakan agar roh kedua-dua mangsa ditempatkan dalam kalangan orang yang beriman serta dikurniakan rahmat dan keampunan Allah SWT.

“Al-Fatihah buat kedua-dua arwah. Semoga roh mereka ditempatkan dalam kalangan orang yang beriman dan beroleh rahmat serta keampunan daripada Allah SWT,”ujarnya.



YB Mohd Asri titip doa, pesan jaga solat buat atlet memanah Kelantan

Oleh: Syamimi Manah

KOTA DARULNAIM, 19 Ogos - Atlet memanah Kelantan yang beraksi pada temasya Sukan Malaysia (SUKMA) Selangor 2026 diingatkan supaya menjaga solat dan mengutamakan disiplin agama sepanjang menyertai kejohanan berkenaan.

Exco Pembangunan Islam, Dakwah, Penerangan dan Hubungan Seranta YB Mohd Asri Daud berkata, aspek kerohanian perlu diberi perhatian seiring dengan usaha atlet memberikan prestasi terbaik dalam setiap pertandingan.

Beliau yang juga Bapa Angkat kepada pasukan memanah Kelantan sempena SUKMA Selangor 2026 berkata, setiap atlet disaran memulakan perlawanan dengan membaca Bismillah serta sentiasa memohon doa agar dipermudahkan segala urusan.

“Saya berpesan kepada anak-anak pemanah yang mewakili Kelantan agar memulakan setiap perlawanan dengan ‘Bismillah’ dan menjaga solat.



“Begitu juga sentiasa menghubungi ibu bapa sepanjang pemuafiran menyertai SUKMA Selangor ini,” katanya di laman rasmi beliau, semalam.

Dalam pada itu, YB Mohd Asri turut meluangkan masa meraikan pemain dan pengurusan pasukan memanah Kelantan di Salam Noodles, Kota Warisan, Sepang, sebagai tanda sokongan terhadap kontingen negeri, semalam.

Beliau turut merakamkan penghargaan para jurulatih yang memainkan peranan dalam membimbing dan menjaga kebajikan para atlet.

“Terima kasih kepada Coach Razak selaku Ketua Jurulatih, Cikgu Wan Penolong Jurulatih, Encik Kamarul selaku Pengurus Pasukan dan jurulatih-jurulatih MSN termasuk chef yang dibawa khas dari Kelantan untuk menjaga pemakanan pemain sepanjang perlawanan,” katanya.

Menurutnya, pasukan memanah Kelantan telah mencatat pencapaian awal dengan memenangi satu pingat gangsa selepas dua hari pertandingan, sekali gus membuka peluang untuk terus menambah koleksi pingat dalam baki empat hari kejohanan.

“Setakat dua hari perlawanan, pasukan memanah telah memenangi satu pingat gangsa dan masih berbaki empat hari lagi perlawanan.

“Insya Allah sama-sama kita doakan akan ada pingat emas yang diperolehi daripada pasukan memanah Kelantan, biznillah,”ujarnya.

Beliau berharap seluruh pasukan terus mengekalkan semangat juang, disiplin serta keyakinan bagi menghadapi baki saingan dan seterusnya merealisasikan sasaran membawa pulang pingat emas buat Kelantan.

Penguatkuasaan buang sampah diperkasa melalui khidmat masyarakat



Oleh: Irham Hilmi Hashim

KOTA DARULNAIM, 18 Ogos – Kerajaan Negeri Kelantan memperkukuh kesiapsiagaan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dalam menangani kesalahan pembuangan sampah kecil menerusi penyelarasan penguatkuasaan serta pelaksanaan Perintah Khidmat Masyarakat (PKM) bagi meningkatkan keberkesanan tindakan dan membentuk perubahan tingkah laku masyarakat.

Exco Kerajaan Tempatan, Pe-

rumahan, Kesihatan dan Alam Sekitar YB Hilmi Abdullah berkata, langkah itu diperkasa menerusi Mesyuarat Penyelarasan dan Sesi Taklimat Penguatkuasaan Kesalahan Pembuangan Sampah Kecil serta Pelaksanaan PKM bersama Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp).

Menurutnya, sesi berkenaan bertujuan meningkatkan kefahaman dan kesiapsiagaan PBT seluruh Kelantan supaya penguatkuasaan dapat dilaksanakan secara lebih tersusun, seragam dan berkesan.

“Perkongsian oleh SWCorp lebih memberi penekanan kepada tatacara penguatkuasaan, proses siasatan dan pendakwaan, mekanisme pelaksanaan PKM, aspek keselamatan serta pemantauan,” katanya di media sosial, semalam.

Beliau memaklumkan, taklimat berkenaan turut memberi

penjelasan mengenai pelaksanaan penguatkuasaan di bawah Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 (Akta 672), termasuk peruntukan hukuman berkaitan kesalahan pembuangan sampah kecil.

Jelasnya, pemahaman menyeluruh terhadap proses siasatan, pendakwaan dan tatacara pelaksanaan PKM penting bagi memastikan setiap PBT mempunyai kesiapsiagaan yang mencukupi sebelum tindakan penguatkuasaan dilaksanakan.

Pada masa sama, aspek keselamatan dan pemantauan turut diberi perhatian bagi memastikan pelaksanaan PKM dapat dilakukan secara teratur serta mencapai matlamat yang ditetapkan.

YB Hilmi berkata, pendekatan PKM bukan sekadar tindakan terhadap pesalah, sebaliknya mempunyai fungsi mendidik dengan memberi peluang kepada individu

terbabit memahami kesan perbuatan mereka terhadap kebersihan dan alam sekitar.

“Pelaksanaan PKM ini diharapkan akan memberikan penginsafan, membentuk perubahan tingkah laku serta mengurangkan pencemaran alam sekitar, sekali gus memperkukuh usaha mewujudkan persekitaran yang lebih bersih dan kondusif,” ujarinya.

Beliau menjelaskan, penyelarasan antara PBT dengan agensi berkaitan perlu diteruskan bagi memastikan penguatkuasaan kesalahan pembuangan sampah kecil dapat dilaksanakan secara konsisten di seluruh negeri.

Tambahnya, kerjasama dengan SWCorp turut menyediakan ruang kepada PBT untuk memperkemas pengetahuan mengenai aspek perundangan dan prosedur penguatkuasaan, sekali gus mengurangkan jurang pelaksanaan antara satu kawasan dengan kawasan lain.

Program khidmat masyarakat dekatkan rakyat dengan institusi perundangan syariah

Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 17 Ogos - Penganjuran program Khidmat Masyarakat, Litigasi Syariah, Sokongan Keluarga MADANI dan Klinik Guaman Syariah di Dewan Sukan Majlis Daerah Dabong, Kuala Krai menjadi inisiatif penting dalam mendekatkan masyarakat dengan institusi perundangan syariah.

Menteri Besar Kelantan YAB Dato' Panglima Perang Ustaz Dato' Mohd Nassuruddin Daud berkata, mendapatkan keadilan bukan hak eksklusif mana-mana pihak, sebaliknya hak mutlak setiap insan tanpa mengira status dan taraf hidup.

Namun katanya, faktor geografi adakalanya membataskan akses masyarakat untuk mendapatkan nasihat serta menyelesaikan permasalahan secara adil.

Sehubungan itu, beliau menyifatkan penganjuran program tersebut amat baik dalam mendekati masyarakat dengan institusi perundangan syariah.

Katanya lagi, program berkenaan turut memberi ruang kepada masyarakat mendapatkan khidmat nasihat guaman dan bantuan litigasi bagi mengatasi permasalahan yang berlaku melalui kaedah perundangan.

"Tahniah dan syabas saya ucapkan kepada Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM), Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Kelantan (JKSNK) dan Persatuan Pegawai Syariah Malaysia (PPSM)



atas penganjuran program Khidmat Masyarakat, Litigasi Syariah, Sokongan Keluarga MADANI dan Klinik Guaman Syariah yang diadakan di Dabong, Kuala Krai, semalam.

"Bagi saya, program yang diadakan ini adalah suatu inisiatif yang amat baik untuk mendekati masyarakat dengan institusi perundangan syariah, sekali gus memberikan ruang kepada masyarakat mendapatkan khidmat nasihat guaman dan bantuan litigasi bagi mengatasi permasalahan yang berlaku melalui kaedah perundangan," katanya di media sosial pada Ahad.

Beliau turut merakamkan penghargaan kepada Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) YB Senator Marhamah Rosli atas kesudian berkunjung ke Kelantan dan bersama-sama menjayakan program berkenaan.

Menteri Besar turut menzahirkan penghargaan kepada semua

pihak yang terbabit dalam memastikan program berkenaan dilaksanakan dengan lancar serta mencapai objektif yang digariskan.

Beliau berharap pendekatan menyantuni dan mendekati masyarakat bagi memahami syariah dalam kehidupan dapat terus disemarakkan.

Tambahnya, seruan itu selari dengan aspirasi Kerajaan Negeri Kelantan menerusi Penghayatan Membangun Bersama Islam (PMBI) untuk memperkasakan pengamalan syariah dalam kehidupan rakyat.

Sempena program tersebut, pelbagai acara disusun bagi menyantuni dan mendekati masyarakat setempat dengan inisiatif yang ada dalam jabatan kehakiman syariah.

Antaranya forum Undang-undang Syariah, ceramah kerjaya, khidmat nasihat perundangan, klinik guaman, riadhah bola sepak dan kenduri Rakyat serta persembahan

“

Bagi saya, program yang diadakan ini adalah suatu inisiatif yang amat baik untuk mendekati masyarakat dengan institusi perundangan syariah, sekali gus memberikan ruang kepada masyarakat mendapatkan khidmat nasihat guaman dan bantuan litigasi bagi mengatasi permasalahan yang berlaku melalui kaedah perundangan,”

dikir barat.

Manakala pelbagai agensi kerajaan negeri dan persekutuan terlibat mengadakan pameran sepanjang dua hari di reruai yang disediakan, antaranya Bahagian sokongan Keluarga dan Unit Sulh Jabatan Kehakiman Syariah, Jabatan Bantuan Guaman, Pejabat Agama Jajahan Kuala Krai, polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Kastam Diraja Malaysia, Tabung Haji, Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM), Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YAPI-EM), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan lain-lain.

Turut hadir, Exco Pembangunan Islam, Dakwah, Penerangan dan Hubungan Seranta YB Mohd Asri Mat Daud, Ahli Parlimen Kuala Krai YB Abdul Latif Abdul Rahman, Ahli Dewan Negeri (ADN) Dabong YB Ku Mohd Zaki Ku Hussin dan Ketua Hakim Syarie Negeri Kelantan Dato' Ibrahim Deris.



PMBK lancar Polisi Tadbir Urus Syariah Korporat

Oleh: Asri Hamat

KOTA BHARU, 18 Ogos - Perbadanan Menteri Besar Kelantan (PMBK) dan kumpulannya melancarkan Polisi Tadbir Urus Syariah sebagai kerangka panduan dalam membuat keputusan berkaitan pentadbiran, pelaburan dan perniagaan.

Menteri Besar Kelantan YAB Dato' Panglima Perang Ustaz Dato' Mohd Nassuruddin Daud berkata polisi berkenaan melengkapkan usaha memperkukuh prinsip dan nilai syariah dalam operasi, pengurusan serta pentadbiran PMBK dan kumpulannya.

Menurutnya, penggubalan polisi itu adalah antara perkara yang disyorkan selepas penubuhan Jawatankuasa Penasihat Syariah PMBK pada 19 Jun 2023.

"Polisi ini menjadi pelengkap yang menyempurnakan rumah yang telah kita bina bersama. Ibarat kita membina sebuah rumah agam, asasnya telah kita pasakkan dengan kukuh, sesuai dengan keluasan tanah dan kemampuan yang kita miliki.

"Setelah lebih 30 tahun kita mendiami rumah ini, sudah tentu ada ruang dan sudut yang perlu ditambah baik, diperindah dan diperkembangkan."

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Program Syariah 2026: Penghayatan Membangun Bersama Islam: Pemerkasaan Sya-



riah Dalam Tadbir Urus Korporat serta Pelancaran Polisi Tadbir Urus Syariah PMBK dan Kumpulan, di Dewan Bunga Emas, Hotel Perdana di sini, hari ini.

Jelasnya, dasar Membangun Bersama Islam yang diletakkan sejak awal pentadbiran pada 1990 turut memberi impak positif kepada warga kerja kerajaan negeri dalam menentukan hala tuju dan membuat sesuatu keputusan.

Tambah beliau, Kerajaan Negeri Kelantan sentiasa memberikan penekanan terhadap pembangunan yang seimbang antara aspek fizikal dan rohani bagi memastikan kemajuan negeri mendapat keberkatan daripada Allah SWT.

Sehubungan itu, beliau menggariskan tiga teras utama yang perlu dilaksanakan semua agensi, khususnya PMBK dan syarikat berkaitan kerajaan (GLC) lain yang menjadi penggerak serta pemacu sektor ekonomi negeri.

"Teras pertama ialah pematuhan syariah. Semua bentuk pelaburan,

transaksi, instrumen kewangan dan kontrak perniagaan perlu disaring oleh panel syariah yang sah.

"Kita tidak akan berkompromi dengan sebarang unsur riba, gharar (ketidakpastian) atau aktiviti yang meragukan," katanya.

Ujarnya, teras kedua ialah kompetensi kepimpinan bertunjangkan nilai amanah, dengan Ahli Lembaga Pengarah dan pihak pengurusan tertinggi sebagai pemegang amanah rakyat.

Katanya lagi, setiap keputusan strategik perlu bermatlamat menjaga kemaslahatan ummah, mengelakkan pembaziran serta memaksimumkan pulangan yang halal dan berkat.

"Teras ketiga ialah integriti dan akauntabiliti. Tadbir urus yang baik adalah asas pengurusan yang berintegriti.

"Kecekapan pengurusan, ketelusan tender dan pembudayaan sifar rasuah mestilah menjadi identiti mutlak setiap pekerja korporat negeri," katanya.



Menteri Besar turut menyeru barisan kepimpinan PMBK dan Kumpulan serta kepimpinan korporat negeri supaya memperbaharui tekad bagi membuktikan model korporat berteraskan syariah mampu menjadi lebih berdaya saing, berdaya tahan dan berkat.

Beliau juga menegaskan semua Ahli Lembaga Pengarah dan pengurusan PMBK perlu berganding bahu menjayakan agenda syariah serta menghormati, mematuhi dan melaksanakan pandangan serta nasihat Jawatankuasa Penasihat Syariah dalam dasar operasi syarikat.

Hadir sama, Penasihat Undang-undang Negeri Kelantan YB Tuan Zawawi Ghazali, Exco Pelaburan, Perindustrian, Sumber Manusia, Perdagangan dan Keusahawanan, YB Mejar (B) Dato' Md Anizam Ab Rahman, Ketua Pegawai Eksekutif PMBK Dr. Mohd Zulkufli Zakaria dan Pengarah Institut Pemikiran Tok Guru Dato' Bentara Setia (IPTG) Profesor Emeritus Dato' Dr. Johari Mat.

Dapur Hijau galak masyarakat hasilkan makanan organik



Oleh: Irham Hilmi Hashim

KOTA DARULNAIM, 19 Ogos – Program Dapur Hijau Peringkat Parlimen Pasir Puteh menggalakkan masyarakat membudayakan amalan bercucuk tanam di sekitar kediaman sebagai langkah ke arah kehidupan lebih sihat dan berdikari dalam aspek penghasilan makanan organik.

Exco Pertanian, Industri Agro-makanan dan Komoditi YB Dato'



Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail berkata, program berkenaan memberi pendedahan kepada masyarakat mengenai amalan pertanian organik yang mudah, praktikal serta sesuai dilaksanakan walaupun di kawasan yang mempunyai ruang terhad.

Menurutnya, sebanyak 160 peserta menerima set pemula tanaman Kit Dapur Hijau sebagai galakan untuk memulakan aktiviti

bercucuk tanam di sekitar rumah masing-masing.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan Program Dapur Hijau Peringkat Parlimen Pasir Puteh di Dataran Sungai Gaal pada 17 Ogos.

"Program ini memberi fokus kepada golongan suri rumah, beliawanis dan asnaf dengan memperkenalkan pendekatan pertanian yang boleh dilaksanakan secara

mudah dalam kehidupan seharian.

"Selain itu, Dapur Hijau memberi penekanan kepada aktiviti menanam sayur-sayuran, sebaliknya turut membawa mesej penting dalam membudayakan kehidupan yang lebih sihat melalui penghasilan makanan sendiri secara organik," katanya dalam media sosial, semalam.

Beliau juga yakin amalan tersebut dapat membantu mengurangkan perbelanjaan dapur apabila masyarakat berupaya menghasilkan sebahagian keperluan makanan secara sendiri di kawasan kediaman.

Turut hadir, Ahli Dewan Negeri (ADN) Gaal YB Mohd Rodzi Jaafar.

Kelantan perluas manfaat 5G, bangun ekosistem digital

Oleh: Asri Hamat

KOTA BHARU, 19 Ogos - Kerajaan Negeri Kelantan berhasrat memperluaskan pembangunan infrastruktur 5G di negeri ini supaya kawasan luar bandar, pedalaman, industri, pusat pendidikan, pelancongan dan pusat pertumbuhan ekonomi turut menerima manfaat peningkatan teknologi digital.

Exco Pendidikan, Pengajian Tinggi, Teknologi Hijau, Digital dan Inovasi YB Dato' Wan Roslan Wan Hamat berkata, pendekatan pembangunan 5G tidak boleh bersifat satu saiz untuk semua, sebaliknya perlu mengambil kira keperluan sebenar setiap kawasan berdasarkan bentuk muka bumi, taburan penduduk dan struktur ekonomi negeri itu.

Katanya, aspek keterangkuman amat penting bagi memastikan tidak berlaku jurang antara masyarakat bandar dan luar bandar, khususnya dalam akses kepada pendidikan digital serta peluang ekonomi.

"Kita tidak mahu anak-anak di kawasan pedalaman ketinggalan dari segi pendidikan digital.

"Kita tidak mahu usahawan kecil di daerah-daerah tidak mendapat peluang menggunakan teknologi untuk mengembangkan perniagaan.

"Dan kita tidak mahu pelabur melihat kekurangan infrastruktur digital sebagai salah satu faktor



yang menghadkan pelaburan ke negeri ini."

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan Seminar Permerkasaan 5G di Kelantan di Dewan Konvensyen, Kelantan Trade Centre (KTC), di sini semalam.

Menurutnya, pembangunan 5G perlu dilihat sebagai infrastruktur asas kepada pembangunan ekonomi moden, sama seperti jalan raya, bekalan elektrik dan air yang diperlukan bagi menyokong pembangunan fizikal.

"Saya mahu melihat Kelantan bergerak daripada sekadar menyediakan perhubungan kepada pembangunan digital ekosistem tetapi perlu mempunyai lebih banyak syarikat teknologi.

"Kita perlu melahirkan lebih ramai anak muda yang mempunyai kemahiran digital dan menggalakkan perusahaan kecil dan sederhana menggunakan teknologi.

"Kita perlu menarik pelaburan dalam bidang data centre, cloud computing, AI, IoT dan perkhid-

matan digital," jelasnya.

Tambahnya, infrastruktur telekomunikasi yang mampu menyokong pertumbuhan ekonomi digital juga perlu dibangunkan seiring dengan usaha berkenaan.

Beliau menyeru kerjasama antara Kerajaan Negeri, Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK), syarikat berkaitan kerajaan, pihak berkuasa tempatan dan pemain industri demi memastikan pembangunan itu dilaksanakan secara menyeluruh.

"Kita mesti bergerak sebagai satu ekosistem," katanya.

Mengulas tentang Seminar Permerkasaan 5G di Kelantan, beliau berharap seminar berkenaan tidak berakhir sekadar pembentangan dan perbincangan, sebaliknya menghasilkan tindakan yang jelas untuk pembangunan 5G di Kelantan.

Katanya, lima perkara perlu diberi perhatian, iaitu mengenal pasti jurang 5G yang masih perlu ditutup di Kelantan, menentukan



projek ekonomi yang boleh dibangunkan berasaskan 5G, mempercepat pembangunan infrastruktur telekomunikasi, menarik pelaburan teknologi ke negeri itu serta memastikan rakyat Kelantan, khususnya anak muda, menjadi penerima manfaat utama ekonomi digital.

"Jika lima persoalan ini dapat kita jawab dengan tindakan, maka seminar ini telah mencapai objektifnya," katanya.

Hadir sama, Timbalan Exco Pendidikan, Pengajian Tinggi, Teknologi Hijau, Digital dan Inovasi YB Kamaruzzaman Mohamad, Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) Dato' Sr. Zamri Ismail, Setiausaha Bahagian Kebudayaan Dan Perkhidmatan Sains, Teknologi dan Inovasi (STI), Kementerian Sains Teknologi dan Inovasi Abdullah Daud serta Ketua Pegawai Operasi Infra Quest Sdn Bhd Saiful Adli Abu Bakar.

Surau PMBI Bukit Kayangan Bertam siap dibina



Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 17 Ogos - Surau Penghayatan Membangun Bersama Islam (PMBI) Bukit Kayangan di Kampung Jambatan Bengkong, Mukim Bertam, Gua Musang siap dibina.

Exco Pembangunan Islam, Dakwah, Penerangan dan Hubungan Seranta YB Mohd Asri Mst Daud berkata, cadangan pembinaan surau

berkenaan dikemukakan ketika beliau hadir ke tapak berkenaan dua tahun lalu semasa Pilihan Raya Kecil (PRK) Dewan Negeri (DUN) Nenggiri.

Menurutnya, pada ketika itu beliau menerima permohonan daripada Penyelia DUN Nenggiri Rizwadi Ismail untuk membina surau bagi kegunaan penduduk perumahan setempat sebelum permohonan berke-

naan dipanjangkan kepada Kerajaan Negeri Kelantan melalui saluran pentadbiran.

"Melalui kelulusan dan sumbangan YAB Dato' Panglima Perang Menteri Besar Kelantan, juga sumbangan pihak Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) serta dermawan, surau ini mula dibangunkan dan mengambil tempoh dua tahun untuk disiapkan.

"Alhamdulillah, malam ini saya kembali untuk membuat pembukaan sebuah surau di atas bukit di Kampung Jambatan Bengkong, Mukim Bertam, Gua Musang," katanya di media sosial, pada Ahad.

Terdahulu, beliau hadir merasmikan majlis pembukaan surau tersebut.

Turut hadir, Pengarah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan Dr Hasnan Ramli, Penyelia DUN Nenggiri Riswadi Ismail, Penyelia DUN Galas Mohd Tarmizi Abd Rahman, Pegawai Agama Jajahan (PAJ) Gua Musang Mohd Hafiz Mat Sulaiman, Pengelola Halaqat Gua Musang Zul Azhar Zulkefli serta Ahli Jawatankuasa Surau Bukit Kayangan.



2,200 pelajar terima manfaat Skim Bantuan Imam Al-Ghazali sejak 2009

Oleh: Irham Hilmi Hashim

KOTA BHARU, 19 Ogos – Sebanyak 2,200 pelajar sekolah kelolaan Yayasan Islam Kelantan (YIK) telah menerima manfaat Skim Bantuan Imam Al-Ghazali sejak diperkenalkan pada 2009 hingga 2025 dengan nilai keseluruhan sumbangan dianggarkan RM1.9 juta, mencerminkan komitmen berterusan Perbadanan Menteri Besar Kelantan (PMBK) dalam menyokong pendidikan pelajar berpotensi cemerlang daripada keluarga kurang berkemampuan.

Menurut kenyataan media PMBK, skim tanggungjawab sosial yang kini memasuki siri ke-18 itu terus diperluas dari semasa ke semasa, termasuk melalui pertambahan jumlah penerima serta peningkatan kadar bantuan bulanan.

“PMBK sebagai sebuah agensi kerajaan bertanggungjawab untuk membantu pelajar-pelajar yang mempunyai potensi cemerlang dalam akademik tetapi kurang berkemampuan. Dengan adanya bantuan seumpama ini, diharapkan ia dapat



membantu mereka mencapai keputusan yang lebih cemerlang pada masa akan datang,” menurut kenyataan itu.

Skim Bantuan Imam Al-Ghazali dilancarkan pada 27 Mei 2009 oleh Allahyarham Tan Sri Tuan Guru Dato’ Bentara Setia Dato’ Haji Nik Abdul Aziz Nik Mat dengan menyasarkan pelajar terpilih daripada sekolah kelolaan YIK yang memenuhi kriteria ditetapkan.

Pada peringkat awal, seramai 50 pelajar dipilih bagi setiap sesi sebelum jumlah itu ditingkatkan kepada 75 pelajar mulai 2014 dan seterusnya diperluas kepada 100 pelajar bagi setiap sesi mulai 2023.

Bantuan diberikan selama dua

tahun kepada setiap pelajar terpilih sebelum penerima baharu dipilih selepas kumpulan terdahulu menamatkan pengajian di Tingkatan Lima.

Kadar bantuan bulanan turut ditambah baik daripada RM50 kepada RM80 mulai 2019 sebelum dinaikkan kepada RM100 sebulan mulai 2024 yang dikreditkan terus ke akaun bank penerima.

Bagi Siri ke-18 tahun ini, seramai 100 pelajar YIK menerima manfaat skim berkenaan sebagai kesinambungan usaha membantu mereka meneruskan pembelajaran dalam keadaan lebih kondusif.

Pada majlis sama, lima pelajar cemerlang Sijil Pelajaran Malaysia

(SPM) 2025 turut menerima Sumbangan Kecemerlangan SPM 2025 sebagai pengiktirafan terhadap pencapaian akademik mereka.

Sokongan pendidikan itu turut diperluas kepada aspek keperluan pembelajaran apabila sebanyak RM20,000 diperuntukkan bagi membiayai penyediaan cermin mata kepada 200 pelajar YIK.

Pelaksanaan ketiga-tiga inisiatif berkenaan memperlihatkan pendekatan menyeluruh PMBK dalam membantu pelajar, merangkumi sokongan kewangan berterusan, pengiktirafan kecemerlangan akademik serta pemenuhan keperluan asas yang berkaitan dengan proses pembelajaran.

5G buka peluang ekonomi untuk Kelantan



Oleh: Asri Hamat

KOTA BHARU, 19 Ogos - Teknologi 5G membuka peluang ekonomi yang luas kepada Kelantan, khususnya dalam sektor pertanian, pembuatan, pendidikan, kesihatan dan pelancongan.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) Dato’ Sr. Zamri Ismail berkata, teknologi berkenaan boleh menjadi pemangkin kepada penciptaan nilai serta kekayaan baharu untuk rakyat Kelantan, selain membuka ruang kepada generasi muda mencipta pekerjaan dan perniagaan baharu tanpa semestinya berhijrah keluar



dari negeri itu.

“Dalam sektor pertanian, teknologi 5G boleh menyokong pertanian pintar melalui sensor, pemantauan tanaman dan penggunaan data masa nyata.

“Dalam sektor pembuatan pula, 5G boleh menyokong automasi, robotik dan pemantauan operasi.”

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan ucapan alu-aluan di majlis perasmian Seminar Persekitaran 5G di Kelantan di Dewan Konvensyen, Kelantan Trade Centre (KTC), di sini, semalam.

Menurut Dato’ Zamri, dalam bidang pendidikan, teknologi 5G berpotensi memperluaskan pem-

belajaran digital dan akses kepada kandungan berkualiti, manakala dalam sektor kesihatan ia boleh membantu meningkatkan perkhidmatan kesihatan jarak jauh serta penggunaan teknologi pintar.

“Dalam pelancongan pula, teknologi digital boleh mewujudkan pengalaman pelancongan yang lebih interaktif dan pintar.

“Dan yang paling penting, 5G boleh membantu anak-anak Kelantan mencipta pekerjaan dan perniagaan baharu tanpa semestinya berhijrah keluar dari negeri ini,” jelasnya.

Menurutnya, pembangunan 5G memerlukan kerjasama erat antara

kerajaan negeri, kerajaan persekutuan, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM), pihak berkuasa tempatan, pemilik infrastruktur, syarikat telekomunikasi, pemaju, institusi pendidikan dan pemain industri.

Ujarnya, proses pembangunan infrastruktur telekomunikasi juga perlu dilaksanakan dengan lebih cecap supaya perkembangan teknologi tidak terhalang oleh proses pembangunan yang terlalu panjang.

“Kelajuan teknologi tidak seharusnya bertembung dengan proses pembangunan yang terlalu panjang.

“Sekiranya kita mahu Kelantan menjadi negeri yang kompetitif dalam ekonomi digital, maka infrastruktur digital perlu dapat dibangunkan dengan cepat, terancang, bersepadu dan mematuhi semua peraturan yang ditetapkan,” katanya.

Sehubungan itu, beliau menyeru syarikat milik kerajaan negeri dan pemain industri memainkan peranan sebagai pemudah cara, bukan sekadar pemilik aset.

Bahasa Arab kunci fahami ilmu – Exco Pendidikan

Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 18 Ogos - Penguasaan bahasa Arab menjadi antara kunci penting dalam memahami ilmu, khususnya khazanah pengajian Islam yang bakal dipelajari siswa yang melanjutkan pengajian ke Republik Tunisia.

Demikian kenyataan Exco Pendidikan, Pengajian Tinggi, Teknologi Hijau, Digital dan Inovasi YB Dato' Wan Roslan Wan Hamat.

Menurutnya, Kursus Persediaan Bahasa Arab anjuran Yayasan Islam Kelantan dengan kerjasama Yayasan Kelantan Darulnaim (YAKIN) merupakan antara usaha awal untuk membekalkan pelajar dengan penguasaan bahasa berkenaan sebelum melangkah ke alam pengajian di Tunisia.

“Bahasa bukan sekadar alat komunikasi, bahkan merupakan kunci penting untuk memahami ilmu,



khususnya khazanah pengajian Islam yang bakal mereka tekuni,” katanya di media sosial, pada Isnin.

Terdahulu, beliau merasmikan Majlis Penutupan Kursus Persediaan Bahasa Arab bagi pelajar yang bakal melanjutkan pengajian ke Universiti Ez-Zitouna, Republik Tunisia, di sebuah hotel di Kota Bharu pada Isnin.

Turut hadir Pengarah YIK Shamsul Abu Bakar, Pengarah YAKIN Nik Jessim Tan Sri Nik Hashim, wakil Yayasan Terengga-

nu serta dua pensyarah dari Tunisia yang turut bersama dalam menjayakan program persediaan berkenaan.

Dato' Wan Roslan turut berpesan kepada pelajar supaya menggunakan peluang menuntut ilmu di luar negara dengan sebaik-baiknya serta membawa cita-cita besar tanpa melupakan agama, keluarga dan negeri yang menjadi tempat mereka dibesarkan.

“Jadikan perjalanan ini sebagai satu amanah untuk menimba se-



banyak mungkin ilmu dan pengalaman. Kelak, pulanglah untuk berbakti kepada agama, masyarakat dan tanah air,” katanya.

Beliau turut mendoakan supaya segala urusan pelajar dipermudahkan, dikurniakan kejayaan sepanjang pengajian serta dipelihara sepanjang berada di perantauan.

“Selamat bermusafir dan selamat menuntut ilmu di bumi Tunisia. Semoga pulang nanti membawa ilmu, adab dan manfaat untuk ummah,” ujarinya.3

Rumput Junchou berpotensi kurangkan kos input industri ruminan



Oleh: Irham Hilmi Hashim

KOTA DARULNAIM, 17 Ogos – Rumput Junchou berpotensi dibangunkan sebagai sumber makanan ternakan khususnya bagi industri ruminan di Kelantan, sekali gus membantu mengurangkan kos input serta kebergantungan kepada sumber makanan ternakan dari luar.

Exco Pertanian, Industri Agromakanan dan Komoditi YB Dato' Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail berkata, potensi tersebut wajar diteroka sebagai salah satu

usaha memperkukuh industri penternakan dan keterjaminan makanan negeri.

Menurutnya, teknologi berkaitan pembiakan, penanaman dan pengurusan rumput Junchou perlu diberi perhatian bagi melihat kesesuaiannya sebagai sumber makanan ternakan yang boleh dimanfaatkan dalam industri ruminan.

Beliau berkata demikian dalam perkongsian di media sosial selepas menghadiri sesi taklimat berkaitan teknologi pembiakan, penanaman

dan pengurusan rumput Junchou di Desa Gemalai, Kampung Lubok Jambu, Ketereh, semalam.

Sesi taklimat berkenaan turut disampaikan CEO Yusri Maju Mohd Yusri Muhammad Nor bersama agensi-agensi berkaitan bagi memberi penerangan mengenai teknologi dan pengurusan tanaman berkenaan.

Dalam pada itu, Dato' Tuan Mohd Saripudin memaklumkan, penggunaan sumber makanan ternakan yang boleh dihasilkan secara tempatan berpotensi memberi

manfaat kepada pengusaha ternakan khususnya dari aspek pengurusan kos input.

Sehubungan itu, katanya, peneroakan terhadap rumput Junchou akan terus diberi perhatian sebagai sebahagian daripada usaha mencari sumber makanan ternakan yang dapat menyokong perkembangan industri ruminan negeri.

Tambahnya, pengukuhan sumber makanan ternakan merupakan antara aspek yang penting dalam memastikan industri penternakan dapat berkembang secara lebih mampan, di samping menyokong agenda keterjaminan makanan Kelantan.

“Insya Allah, usaha ini akan terus diteroka sebagai sebahagian daripada langkah memperkukuh industri penternakan dan keterjaminan makanan Negeri Kelantan,” jelasnya.

Beliau turut berharap peneroakan teknologi berkaitan rumput Junchou dapat memberikan nilai tambah kepada pembangunan sektor penternakan negeri melalui penghasilan sumber makanan ternakan yang berpotensi dimanfaatkan secara tempatan.

Anak muda bebas kritik, kemuka pandangan berasaskan ilmu dan fakta – Dato' Wan Roslan



Oleh: Syamimi Manah

TUMPAT, 16 Ogos – Generasi muda Kelantan bebas mengemukakan pandangan, teguran dan kritikan terhadap dasar kerajaan, namun ia perlu berasaskan ilmu, fakta, adab serta kefahaman terhadap realiti sesuatu perkara.

Exco Pendidikan, Pengajian Tinggi, Teknologi Hijau, Digital dan Inovasi YB Dato' Wan Roslan Wan Hamat berkata, kerajaan negeri sentiasa terbuka untuk mendengar suara generasi muda sebagai sebahagian daripada usaha memperkukuh hubungan dua hala antara kerajaan dan masyarakat.

“Kerajaan negeri menghargai pandangan, teguran, kritikan dan cadangan anak-anak muda. Namun suara yang baik mestilah lahir daripada ilmu, fakta dan kefahaman terhadap realiti sebenar sesuatu perkara.

“Saya mahu peserta KFLA

berani bertanya, termasuk bertanya soalan yang sukar. Cabarlah idea, kemukakan pandangan dan bincangkan perbezaan secara matang,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan pembukaan Kelantan Future Leaders Academy (KFLA) 2026 anjuran Kelantan Future Leaders Institute (KFLI) di D Rhu Beach Resort, di sini, hari ini.

Program yang berlangsung selama tiga hari bermula 16 hingga 18 Ogos 2026 itu menghimpunkan hampir 100 mahasiswa dengan pengisian yang memberi fokus kepada pembinaan pemikiran, karakter, nilai serta jiwa kepimpinan generasi muda.

Menurut Dato' Wan Roslan, perkembangan media sosial menyebabkan masyarakat hari ini boleh memberikan pandangan dengan pantas, namun sesuatu dasar kerajaan perlu difahami secara menyeluruh sebelum sebarang pe-

nilaian atau kritikan dibuat.

“Dalam dunia pentadbiran, sesuatu keputusan mungkin melibatkan undang-undang, kewangan, bidang kuasa, prosedur, keutamaan kerajaan serta kesan jangka panjang kepada masyarakat.

“Sebab itu sebelum kita menghukum sesuatu dasar, fahamilah terlebih dahulu bagaimana dasar tersebut dirancang, dilaksanakan dan dinilai,” ujarnya.

Beliau menegaskan, budaya mengemukakan kritikan perlu disertai kesediaan untuk mencari jalan penyelesaian terhadap isu yang dibangkitkan.

Katanya lagi, anak muda perlu belajar mengenal pasti punca sesuatu masalah sebelum mencadangkan penyelesaian serta memahami aspek pelaksanaan, pihak yang terlibat, kos dan kesan daripada sesuatu cadangan.

“Saya mahu KFLA menjadi tempat anak-anak muda belajar

beralih daripada budaya ‘mengadu tentang masalah’ kepada budaya ‘mencadangkan penyelesaian’.

“Jangan hanya menjadi generasi yang paling pantas mengetahui sesuatu masalah tetapi jadilah generasi yang paling bersungguh-sungguh mencari jalan untuk menyelesaikannya,” tegasnya.

Dalam pada itu, Dato' Wan Roslan menegaskan pembangunan generasi muda perlu diseimbangkan antara kompetensi dan integriti supaya mereka mampu menjadi pemimpin yang cekap, amanah dan mempunyai prinsip.

“Kita mahu individu yang cekap tetapi amanah, profesional tetapi mempunyai prinsip, mahir teknologi tetapi berakhlak serta mampu bersaing di peringkat antarabangsa tanpa kehilangan identiti sebagai seorang Muslim dan anak Kelantan,” jelasnya.

Beliau turut menyeru peserta KFLA memanfaatkan peluang yang diberikan untuk membina jaringan dengan peserta lain, fasilitator, golongan profesional serta pemimpin yang ditemui sepanjang program.

Tambahnya, jaringan dan pengalaman yang dibina pada usia muda mampu menjadi kekuatan bernilai dalam perjalanan kepimpinan mereka pada masa hadapan.

Tiga bapa tunggal, lapan pesakit kronik DUN Mengkebang terima bantuan

Oleh: Irham Hilmi Hashim

KUALA KRAI, 20 Ogos – Sebanyak tiga bapa tunggal dan lapan pesakit kronik di DUN Mengkebang menerima bantuan sekali beri menerusi pendekatan kebajikan Kerajaan Negeri Kelantan yang terus diperluas bagi memenuhi keperluan golongan yang memerlukan.

Ahli Dewan Negeri (ADN) Mengkebang YB Zubir Abu Bakar berkata, pendekatan tersebut memperlihatkan kecaknaan Kerajaan Negeri dalam menyediakan program kebajikan secara lebih menyeluruh, termasuk kepada golongan bapa tunggal yang menguruskan anak-anak secara bersendirian selepas kehilangan pasangan.

Menurutnya, pengenalan Skim Bapa Tunggal 2026 merupakan ban-



tuan one-off terbaharu yang disediakan Kerajaan Negeri pada tahun ini selepas sebelum ini tumpuan bantuan kebajikan lebih banyak diberikan kepada golongan armalah.

“Kerajaan Negeri menyediakan program kebajikan secara komprehensif. Kalau sebelum ini program kebajikan dilihat tertumpu kepada armalah, pada tahun ini satu bantuan one-off terbaharu disediakan untuk golongan bapa melalui Skim Bapa Tunggal 2026,” katanya di media sosialnya selepas menyantuni



dan menyerahkan sumbangan kepada penerima di DUN Mengkebang, semalam.

Menurutnya, tiga penerima bapa tunggal di DUN Mengkebang menerima insentif berkenaan dengan jumlah RM500 seorang, manakala jumlah bantuan tertinggi yang diterima adalah sebanyak RM1,100.

Pada masa sama, seramai lapan pesakit kronik di DUN Mengkebang turut menerima bantuan secara one-off dalam usaha memastikan golongan yang berdepan keperluan

kesihatan dan kewangan terus diberi perhatian.

“Kecaknaan terhadap pesakit kronik dilaksanakan secara berterusan dan bukan bermusim, khususnya kepada mereka yang belum pernah menerima bantuan serta dalam kalangan asnaf.

“Mana-mana pesakit kronik yang belum pernah menerima bantuan dan dalam kalangan asnaf boleh mengisi borang melalui penghulu mukim masing-masing,” katanya.

Sehubungan itu, beliau menyeru golongan yang memenuhi kriteria supaya menggunakan saluran permohonan melalui penghulu mukim masing-masing bagi membolehkan permohonan bantuan dikemukakan.

Warga emas perlu jadi sumber rujuk masyarakat

Oleh: Irham Hilmi Hashim

KOTA DARULNAIM, 20 Ogos – Warga emas merupakan golongan yang perlu dijadikan sumber rujuk masyarakat dan disantuni atas faktor khazanah pengalaman dan nasihat mereka yang mampu menyumbang kepada keluarga serta komuniti.

Exco Kerajaan Tempatan, Perumahan, Kesihatan dan Alam Sekitar, YB Hilmi Abdullah berkata, komitmen warga emas untuk terus aktif dalam pelbagai program membuktikan usia bukan penghalang untuk mereka terus berbakti dan memberi manfaat kepada masyarakat.

Menurutnya, penglibatan warga emas dalam aktiviti kesihatan, kerohanian, kebajikan, rekreasi dan kemasyarakatan juga penting dalam memastikan golongan berkenaan terus menjalani kehidupan yang bermakna serta saling menjaga kebajikan sesama ahli.

Beliau berkata demikian dalam hantaran di media sosialnya selepas



merasmikan Mesyuarat Agung Tahunan Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) Kuala Krai Kali Ke-6 di Pusat Aktiviti Warga Emas Kubang Lebur, Kuala Krai, semalam.

YB Hilmi menegaskan, PAWE perlu terus menjadi medan untuk warga emas berkongsi pengalaman dan menyumbang kepada generasi muda melalui ilmu agama, kemahiran, aktiviti sukarelawan, kebajikan serta nasihat kehidupan.

Menurutnya, pengalaman yang dimiliki warga emas merupakan aset yang bernilai dan boleh dimanfaatkan untuk membimbing generasi seterusnya dalam pelbagai aspek

kehidupan.

“Sesungguhnya warga emas bukan sekadar golongan yang perlu disantuni, bahkan mereka adalah khazanah pengalaman, sumber nasihat dan tonggak yang masih mampu menyumbang kepada keluarga serta masyarakat,” katanya.

Dalam pada itu, beliau turut mengingatkan warga emas supaya sentiasa menjaga kesihatan agar dapat meneruskan kehidupan dengan lebih aktif serta melaksanakan ibadah dan tanggungjawab kemasyarakatan.

Menurutnya, semangat “Sihat Sepanjang Hayat, Sihat Untuk



Beribadat” wajar dijadikan pegangan kerana kesihatan yang baik memberikan kekuatan kepada warga emas untuk terus beribadah dan melakukan amal kebajikan.

“Kesihatan yang baik memberi kekuatan untuk terus solat, membaca al-Quran, hadir ke majlis ilmu, menziarahi saudara, membantu jiran dan berkhidmat kepada masyarakat,” katanya.

Beliau turut mendoakan agar seluruh ahli PAWE Kuala Krai dikurniakan kesihatan yang baik, umur yang diberkati serta kekuatan untuk terus berbakti kepada keluarga dan masyarakat.

K-Rabb perkasa peranan masjid, tangani gejala sosial



Oleh: Irham Hilmi Hashim

KOTA DARULNAIM, 19 Ogos – Inisiatif Komuniti Rabbani (K-Rabb) merupakan usaha penting dalam membina semula nilai kehidupan masyarakat serta memperkukuh peranan masjid sebagai pusat pembangunan komuniti bukan sekadar tempat melaksanakan ibadah khusus.

Ahli Dewan Negeri (ADN) Salor YB Saizol Ismail berkata, gejala sosial merupakan antara cabaran yang wujud dalam masyarakat

dan tidak terkecuali berlaku di Kelantan, justeru usaha berterusan perlu dilaksanakan bagi menangani ancaman berkenaan secara menyeluruh.

Menurutnya, masalah sosial yang berpunca daripada kelemahan nilai dan penghayatan agama sekiranya tidak ditangani boleh berkembang menjadi masalah lebih besar sehingga menjejaskan keharmonian serta sistem kehidupan masyarakat.

“Gejala sosial dan masalah da-

lam masyarakat jika dibiarkan, akhirnya menjadi barah yang merosakkan sistem masyarakat.

“Kita tidak pernah menafikan perkara ini wujud di setiap negeri, hatta Kelantan sekalipun. Namun, yang penting ialah apakah usaha dan ikhtiar kita dalam menghadapi ancaman ini,” katanya di media sosial, semalam.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan majlis K-Rabb yang berlangsung di Masjid Assaadah, Mukim Beta Hulu pada 16 Ogos.

Dalam pada itu, YB Saizol merakamkan penghargaan kepada Kerajaan Negeri Kelantan atas usaha menyediakan solusi menerusi pendekatan pembangunan komuniti berteraskan nilai agama dan pembinaan insan.

Katanya, modul K-Rabb diharapkan dapat membantu membina semula nilai-nilai kehidupan masyarakat, di samping menghidupkan dan membangunkan semula komuniti melalui pengimaran masjid.



147 pelajar Kelantan terima sumbangan, bakal lanjut pengajian ke luar negara

Oleh: Syamimi Manah

KOTA DARULNAIM, 17 Ogos - Sebanyak 147 pelajar Kelantan menerima sumbangan sebelum melanjutkan pengajian ke Mesir, Jordan, Tunisia, Korea Selatan dan Arab Saudi menerusi Majlis Penyampaian Sumbangan dan Ramah Mesra Meraikan Pelajar-Pelajar Kelantan ke Luar Negara, di Dewan Tok Guru Bentara Setia, Kompleks Kota Darulnaim, hari ini.

Menteri Besar Kelantan YAB Dato' Panglima Perang Ustaz Dato' Mohd Nassuruddin Daud berkata, peluang melanjutkan pengajian ke luar negara perlu dimanfaatkan sebaik mungkin dengan menimba sebanyak mungkin ilmu serta berusaha mencapai kejayaan cemerlang dalam bidang masing-masing.

"Saya mengambil kesempatan untuk ucap tahniah di atas kejayaan anda semua anak-anak yang berjaya melanjutkan pelajaran ke luar negara.

"Rebutlah peluang ini untuk kita menimba sebanyak mungkin ilmu dan saya mendoakan supaya saudara-saudari sekalian mendapat kejayaan yang cemerlang dalam setiap bidang pelajaran," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis berkenaan di Dewan Tok Guru Bentara Setia, Kompleks Kota Darulnaim, hari ini.

Sementara itu, Pengarah Yayasan Kelantan Darulnaim (YAKIN)



Nik Jessim Tan Sri Nik Hashim berkata, kesemua 147 pelajar berkenaan mendapat tawaran melanjutkan pengajian ke lima negara berkenaan dalam pelbagai bidang.

Katanya, bidang pengajian yang diceburi merangkumi syariah, qiraat, bahasa Arab, pengajaran Islam, perubatan dan kejuruteraan.

"Pada tahun ini juga, YAKIN bersama Yayasan Islam Kelantan (YIK) sekali lagi memainkan peranan lebih luas dalam membangunkan pendidikan apabila seramai 10 pelajar kumpulan perintis daripada Maahad Tahfiz sekolah YIK dipilih melanjutkan pengajian dalam bidang kejuruteraan di Korea Selatan.

"Hubungan pendidikan ini juga merupakan hasil usaha berterusan Exco Pendidikan, YB Dato' Wan Roslan Wan Hamat bagi memastikan peluang pendidikan dapat direbut oleh anak-anak Kelantan," Katanya.

Nik Jessim berkata, YAKIN sentiasa berusaha mencari peluang pengajian di luar negara melalui jaringan kerjasama dengan institusi pendidikan kerajaan serta rakan antarabangsa.

Menurutnya, peluang melanjutkan pengajian di luar negara bukan sahaja memberikan ilmu dan kelayakan akademik, malah mendedahkan pelajar kepada pengalaman budaya, teknologi, sistem pendidikan serta cara berfikir yang berbeza.

"Kita mahu anak-anak Kelantan yang keluar menuntut ilmu membawa bersama nama baik Kelantan, menjadi duta kecil negeri dan apabila tamat pengajian nanti kembali menyumbang kepada masyarakat serta negeri Kelantan," katanya.

Dalam pada itu, Menteri Besar Kelantan menitipkan lima pesanan kepada para pelajar, antaranya memperbetulkan niat belajar kerana Allah SWT, menetapkan cita-ci-

“

Kita mahu anak-anak Kelantan yang keluar menuntut ilmu membawa bersama nama baik Kelantan, menjadi duta kecil negeri dan apabila tamat pengajian nanti kembali menyumbang kepada masyarakat serta negeri Kelantan,”

ta yang tinggi serta menjaga akhlak sepanjang berada di luar negara.

Beliau turut mengingatkan pelajar supaya memberi tumpuan sepenuhnya ketika mengikuti pembelajaran dan tidak segan bertanya kepada pensyarah sekiranya terdapat perkara yang tidak difahami.

"Kalau tidak faham, tanya selalu. Tanya pensyarah. Jangan tidak faham, kemudian kata esoklah tanya. Tanya selalu supaya kita mendapat kefahaman," ujarnya.

Dato' Mohd Nassuruddin turut menzahirkan penghargaan kepada ibu bapa dan guru yang menjadi antara tonggak penting kejayaan para pelajar sehingga berjaya melanjutkan pengajian ke luar negara.

"Anda semua adalah harapan keluarga, guru, negeri dan negara. Gunakan peluang ini sebaik-baiknya dan bawa pulang kejayaan untuk disumbangkan kepada masyarakat dan negeri Kelantan," tegasnya.



Malaysia hampir 70 tahun merdeka, Bahasa Melayu belum berdaulat sepenuhnya – Dato' Mohd Amar

Oleh: Syamimi Manah

KOTA BHARU, 18 Ogos - Malaysia yang hampir mencapai 70 tahun kemerdekaan masih berdepan cabaran dalam memartabatkan Bahasa Melayu sebagai bahasa yang benar-benar berdaulat dalam kehidupan masyarakat dan urusan negara.

Speaker Dewan Negeri Kelantan YB Dato' Sri Amar D'Raja Dato' (Dr.) Mohd Amar Abdullah berkata, keadaan tersebut antara contoh yang menunjukkan kesan penjajahan pemikiran masih wujud meskipun negara telah lama mencapai kemerdekaan secara fizikal.

"Hampir 70 tahun kita merdeka, Bahasa Melayu ini tidak berdaulat sepenuhnya. Sehingga dikritik oleh Dewan Bahasa dan Pustaka serta pakar-pakar bahasa kerana kita lebih selesa menggunakan Bahasa Inggeris," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menjadi tetamu siaran langsung slot FOKUS Siri 14: Erti Kemerdekaan Yang Sebenar, anjuran Urus Setia Penerangan dan Komunikasi Negeri Kelantan (UPKN) di Studio Kelantan TV, hari ini.

Menurutnya, penggunaan istilah dan bahasa asing dalam pelbagai aspek kehidupan menunjukkan



masyarakat masih cenderung menjadikan acuan Barat sebagai ukuran, sedangkan Malaysia mempunyai bahasa kebangsaan dan identiti sendiri.

Katanya, perkara tersebut perlu diberi perhatian kerana bahasa bukan sekadar medium komunikasi, malah menjadi sebahagian daripada identiti serta jati diri sesebuah bangsa dan negara.

"Ini masalah kita. Kita sudah merdeka hampir 70 tahun, tetapi kita lebih selesa menggunakan bahasa Inggeris. Istilah-istilah pun banyak yang kita ambil daripada Barat," ujarnya.

Dato' Mohd Amar berkata, pengukuhan Bahasa Melayu perlu menjadi sebahagian daripada usaha membebaskan masyarakat daripada penjajahan pemikiran yang masih mempengaruhi cara berfikir

dan kehidupan selepas berakhirnya penjajahan fizikal.

Beliau turut mengambil contoh penggunaan istilah dalam penamaan tempat dan kawasan yang menurutnya boleh disesuaikan dengan istilah Bahasa Melayu bagi memperkukuh identiti tempatan.

Dalam pada itu, beliau menegaskan, usaha memartabatkan Bahasa Melayu perlu bermula daripada kesedaran politik dan kepimpinan negara kerana pemimpin mempunyai peranan besar dalam menentukan hala tuju bahasa, pendidikan dan identiti masyarakat.

"Dalam politik, perkara ini asas nombor satu. Sebab itu pemimpin politik mesti ada peranan yang besar," tegasnya.

Beliau turut menyentuh pengalaman Indonesia yang menurutnya lebih tegas dalam memperkukuh

penggunaan bahasa kebangsaan selepas negara itu mencapai kemerdekaan, termasuk dalam kalangan rakyat pelbagai latar belakang.

Menurutnya lagi, penguasaan Bahasa Melayu dalam kalangan seluruh rakyat Malaysia penting bagi membentuk identiti bersama sebagai warga negara.

"Identiti bangsa kita dan identiti kita ini adalah sebagai warga negara Malaysia. Jadi bahasa juga menjadi antara perkara penting dalam membentuk identiti tersebut," katanya.

Tambahnya, kemerdekaan yang sebenar tidak hanya bermaksud bebas daripada penjajahan fizikal tetapi turut menuntut masyarakat membebaskan pemikiran, bahasa, sistem pendidikan dan acuan pembangunan daripada ketergantungan kepada pengaruh asing.

YB Mohd Adanan santuni waris mangsa kemalangan di Jejambat Wakaf Bharu



Oleh: Syamimi Manah

KOTA DARULNAIM, 18 Ogos - Ahli Dewan Negeri (ADN) Kelab-oran YB Mohd Adanan Hassan menziarahi dan menyantuni waris Allahyarham Muhammad Faris Mohamed Khalid yang maut dalam kemalangan di Jejambat Wakaf Bharu pada Ahad.

YB Mohd Adanan turut menza-

hirkan ucapan takziah kepada keluarga Allahyarham atas kehilangan insan tersayang itu.

"Salam takziah buat arwah Muhammad Faris Mohamed Khalid yang terlibat kemalangan menyalak hati petang semalam. Arwah dipercayai tidak sempat mengelak dan terlanggar belakang lori yang diparkir atas flyover Wakaf Bharu

dan disahkan meninggal dunia di tempat kejadian," katanya menerusi laman rasmi, semalam.

Allahyarham meninggalkan seorang isteri dan tiga orang anak yang masih kecil.

Menurut laporan polis, kejadian berlaku ketika mangsa melalui selok di Jalan Flyover Wakaf Bharu sebelum motosikal ditunggangk-

ya melanggar lori berkenaan yang dipercayai diparkir di bahu jalan selepas kehabisan minyak.

Akibat perlanggaran itu, mangsa mengalami kecederaan parah pada bahagian dada sebelum disahkan meninggal dunia di lokasi kejadian oleh Penolong Pegawai Perubatan.

Sehubungan itu, YB Mohd Adanan turut mendoakan agar Allah SWT merahmati dan mengampuni roh Allahyarham serta menempatkannya dalam kalangan hamba-Nya yang beriman dan beramal soleh.

"Semoga Allah merahmati, mengampuni roh arwah dan menempatkannya dalam kalangan hamba-Nya yang beriman dan beramal soleh," ujarnya.

Seminar pemerkasaan 5G perkukuh agenda digital Kelantan

Oleh: Asri Hamat

KOTA BHARU, 18 Ogos — Kerajaan Negeri Kelantan terus memperkukuh agenda pendigitalan negeri menerusi penganjuran Seminar Pemerkasaan 5G di Kelantan dan Pameran 5G, Digital, Sains dan Teknologi Kelantan 2026, hari ini.

Program yang berlangsung dari pukul 8.30 pagi hingga 5.00 petang di Dewan Konvensyen Kelantan Trade Centre (KTC), di sini, menjadi platform strategik bagi meningkatkan kesedaran, pemahaman dan penerapan teknologi 5G serta teknologi digital dalam kalangan masyarakat, sektor awam dan industri di negeri ini.

Exco Pendidikan, Pengajian Tinggi, Teknologi Hijau, Digital dan Inovasi, YB Dato' Wan Roslan Wan Hamat berkata seminar berkenaan turut memberi tumpuan kepada perkembangan dan liputan 5G di Kelantan, khususnya dalam memperluaskan manfaat capaian internet berkelajuan tinggi kepada rakyat.

Katanya, usaha itu juga pent-



ing bagi meningkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan serta menyokong pertumbuhan ekonomi digital negeri.

“Penganjuran seminar ini mencerminkan komitmen berterusan Kerajaan Negeri Kelantan dalam memperkukuh ekosistem digital serta memastikan pembangunan infrastruktur telekomunikasi dapat bergerak seiring dengan keperluan ekonomi dan masyarakat.”

Beliau berkata demikian pada sidang media sempena Seminar Pemerkasaan 5G di Kelantan dan Pameran 5G, Digital, Sains dan Teknologi Kelantan 2026 di Dewan Konvensyen KTC, di sini, hari ini.

Dato' Wan Roslan turut memaklumkan, liputan rangkaian 5G di Kelantan ketika ini telah mencapai lebih 87 peratus, termasuk capaian di dalam dan luar bangunan.

“Rangkaian 5G ini mendapat sambutan dan capaian internet berkelajuan tinggi dapat disempurnakan dengan capaian setakat ini yang dimaklumkan melebihi 87 peratus,” jelasnya.

Tambahnya, teknologi 5G bukan sahaja menawarkan capaian internet lebih pantas dan stabil, malah berpotensi menjadi pemangkin kepada pelbagai sektor termasuk pendidikan, kesihatan, perniagaan, pertanian, industri, perkhidmatan

awam dan pembangunan bandar pintar.

Sehubungan itu katanya, kerjasama erat antara kerajaan, agensi, pemain industri, institusi pendidikan serta masyarakat amat penting bagi memastikan transformasi digital di Kelantan dapat dilaksanakan secara menyeluruh dan inklusif, selain memberi manfaat kepada rakyat.

Beliau berharap seminar dan pameran berkenaan menjadi wadah penting dalam memperkukuh kefahaman mengenai teknologi baharu, merencanakan kolaborasi industri serta membuka lebih banyak peluang pelaburan dan inovasi digital di Kelantan.2



Anak muda perlu diberi peluang memimpin – Exco Belia



Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 20 Ogos- Anak muda perlu diberi ruang dan peluang untuk memimpin kerana kepimpinan adalah satu proses pembelajaran yang membentuk pengalaman, kematangan dan keberanian dalam memikul tanggungjawab, kata Exco Belia, Sukan, NGO, Perpaduan Masyarakat YB Zamakhshari Mohamad.

Katanya, golongan muda tidak seharusnya mengejar jawatan na-

mun apabila amanah diberikan, mereka perlu bersedia untuk memikul tanggungjawab berkenaan.

“Jangan kejar jawatan tetapi apabila amanah itu diberikan, kita mesti bersedia untuk memikulnya.

“Sebab itu anak muda perlu diberi ruang untuk memimpin. Bukan kerana mereka sudah sempurna tetapi kerana kepimpinan itu sendiri adalah satu proses,” katanya di media sosial, pada Rabu.

Beliau menegaskan, proses un-



tuk menjadi pemimpin merangkumi pembelajaran melalui pengalaman, kesilapan serta keberanian untuk mengambil tanggungjawab.

“Kesilapan yang berlaku lebih awal juga boleh menjadi ruang kepada golongan muda untuk belajar dan menjadi lebih matang sebelum berdepan dengan cabaran yang lebih besar,” ujarinya.

Terdahulu, beliau merasmikan majlis penutup KFLA 2026 di The Rhu Beach Resort, Tumpat, semalam.

Beliau turut merakamkan tahniah kepada seluruh peserta yang mengikuti KFLA 2026, yang disifatkan sebagai tiga hari penuh dengan pembelajaran, bimbingan dan pengalaman lapangan.

“Terima kasih juga kepada seluruh barisan mentor, assistant mentor, fasilitator dan semua pihak yang menjayakan KFLA 2026,” katanya.

YB Zamakhshari turut berpesan kepada peserta agar tidak berhenti belajar apabila program ini tamat.

“Bawa ilmu dan pengalaman itu ke tempat masing-masing, jadikan ia panduan untuk terus berkhidmat serta memberi manfaat kepada masyarakat di sekeliling,” katanya.

Beliau berharap kembara peserta sepanjang KFLA 2026 dapat menjadi wadah pembentukan generasi pemimpin pelapis yang mampu menyumbang kepada agama, bangsa dan negara.

Kelantan-Thailand sasar projek pertanian bersama, beri manfaat terus kepada rakyat

Oleh: Syamimi Manah

KOTA DARULNAIM, 20 Ogos - Kerajaan Kelantan dan Thailand menyasarkan pelaksanaan projek pertanian bersama yang lebih praktikal bagi memberi manfaat secara langsung kepada petani, usahawan agro, golongan belia serta masyarakat di kedua-dua belah sempadan.

Exco Pertanian, Industri Agro-makanan dan Komoditi YB Dato' Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail berkata, kerjasama yang terjalin antara Kelantan dan Thailand perlu dikembangkan daripada pertukaran lawatan serta perkongsian ilmu kepada projek-projek praktikal yang mampu memberi impak kepada rakyat.

"Harapan kita supaya kerjasama ini terus berkembang daripada pertukaran lawatan dan perkongsian ilmu kepada projek-projek praktikal yang dapat memberikan manfaat secara langsung kepada petani, usahawan agro, golongan belia serta masyarakat di kedua-dua belah sempadan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika pada Program Jalinan Kerjasama bagi menyambut lawatan delegasi Office of the Royal Development Projects Board (ORDPB) dan Pikun Thong Royal Development Study Centre, Thailand di Kompleks Kota Darulnaim, hari ini.

Menurutnya, hubungan Kelantan dengan Selatan Thailand bukan sekadar berkaitan kedudukan geografi, malah kedua-dua pihak mempunyai persamaan dari aspek budaya, komuniti, aktiviti pertanian dan kepentingan ekonomi.

Justeru, katanya, persamaan tersebut membuka ruang yang luas untuk membina kerjasama lebih



erat dan saling memberi manfaat, khususnya dalam sektor pertanian serta pembangunan komuniti.

Beliau turut mengalu-alukan kerjasama yang dibangunkan antara UMK dan ORDPB, khususnya menerusi Pikun Thong Royal Development Study Centre, selain menghargai kesudian pihak pusat berkenaan menerima kunjungan beliau bersama delegasi Kerajaan Negeri Kelantan, pada Mei lalu.

"Kunjungan tersebut telah memberikan pendedahan yang sangat baik kepada kami mengenai pengalaman Thailand dalam pembangunan pertanian dan komuniti. Lebih penting, ia turut mengeratkan hubungan serta persefahaman antara Kelantan dengan rakan-rakan kita di Selatan Thailand," ujarnya.

Dalam pada itu, Dato' Mohd Saripudin berkata, Kelantan mempunyai asas yang baik untuk memperluaskan jaringan kerjasama berkenaan melalui penglibatan Kumpulan Pertanian Kelantan Berhad (KPKB).

Katanya, KPKB kini giat membangunkan kerjasama dengan Nara Green Land, sebuah NGO di Thailand, khususnya dalam inisiatif pembangunan belia dan sektor pen-

ternakan lembu.

"Saya melihat hubungan yang telah terbina ini boleh diperkukuhkan lagi dengan membawa UMK dan rakan-rakan kita dari Thailand bersama KPKB dalam satu kerangka kerjasama yang lebih bermakna," jelasnya.

Beliau juga memaklumkan, UMK mempunyai kekuatan dalam bidang penyelidikan, inovasi dan pemindahan ilmu, manakala rakan-rakan dari Thailand mempunyai pengalaman dalam pembangunan pertanian dan komuniti.

Pada masa sama, katanya, KPKB serta agensi-agensi Kerajaan Negeri boleh memainkan peranan dalam aspek pelaksanaan, penglibatan industri dan pengkomersialan bagi memastikan hasil kerjasama dapat diterjemahkan kepada manfaat yang lebih besar.

Dalam pada itu, Exco Pertanian mencadangkan supaya beberapa bidang kerjasama yang benar-benar praktikal dikenal pasti dan dilaksanakan secara berperingkat, antaranya teknologi pertanian, pembangunan usahawan belia, pemprosesan makanan, pembangunan halal, pengkomersialan produk serta pemasaran.

"Kita tidak semestinya perlu

“

Harapan kita supaya kerjasama ini terus berkembang daripada pertukaran lawatan dan perkongsian ilmu kepada projek-projek praktikal yang dapat memberikan manfaat secara langsung kepada petani, usahawan agro, golongan belia serta masyarakat di kedua-dua belah sempadan,”

memulakan terlalu banyak perkara dalam satu masa. Mungkin kita boleh bermula dengan satu atau dua projek yang benar-benar berpotensi, kita laksanakan bersama dengan baik, kita ukur impaknya, dan seterusnya kita kembangkan kepada skala yang lebih besar," ujarnya.

Beliau menegaskan, pendekatan tersebut penting bagi memastikan kerjasama yang dibangunkan mempunyai hala tuju yang jelas, praktikal dan mampu menghasilkan manfaat sebenar kepada rakyat.

"Hubungan telah kita bina. Sekarang, marilah kita bersama-sama membina projek, program dan mencipta kejayaan,"ujarnya.

Tambahnya, Kerajaan Negeri Kelantan bersedia untuk memudahkan cara dan memberikan sokongan kepada kerjasama yang memberi manfaat antara agensi Kerajaan Negeri, UMK, pihak industri dan rakan-rakan dari Thailand.

Beliau turut merakamkan penghargaan kepada ORDPB, Pikun Thong Royal Development Study Centre, UMK, Royal Thai Consulate-General, JAHEAIK serta semua jabatan, agensi dan rakan industri yang terlibat dalam menjayakan kerjasama tersebut.



Malaysia perlu bina acuan sendiri, bebas pengaruh penjajah – Dato' Mohd Amar



Oleh: Syamimi Manah

KOTA BHARU, 18 Ogos - Malaysia perlu membina acuan pembangunan negara sendiri dan membebaskan pemikiran masyarakat daripada pengaruh serta kesan penjajahan yang masih wujud meskipun negara telah mencapai kemerdekaan secara fizikal.

Speaker Dewan Negeri Kelantan YB Dato' Sri Amar D'Raja Dato' (Dr.) Mohd Amar Abdullah berkata, kemerdekaan tidak seharusnya dilihat hanya dari sudut berakhirnya penjajahan fizikal, sebaliknya turut merangkumi kebebasan pemikiran dan kemamp-

uan masyarakat membentuk negara berdasarkan identiti serta nilai sendiri.

“Dari segi undang-undang, kita sudah merdeka kerana penjajah secara fizikalnya sudah keluar. Tetapi isu yang paling besar ialah kita sebenarnya tidak merdeka sepenuhnya dari sudut pemikiran.

“Walaupun penjajah telah keluar, pemikiran, ajaran dan cara kita masih boleh terikut-ikut dengan apa yang diajar oleh penjajah. Inilah antara cabaran besar yang disebut sebagai cabaran pemikiran,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika menjadi tetamu siaran langsung slot FOKUS Siri 14: Erti Kemerdekaan Yang Sebenar, anjuran Urus Setia Penerangan dan Komunikasi Negeri Kelantan (UPKN) di Studio Kelantan TV, di sini, hari ini.

Menurutnya, kesan penjajahan bukan sesuatu yang mudah untuk dihapuskan kerana ia boleh terus mempengaruhi masyarakat dalam

tempoh yang panjang, termasuk dari aspek pendidikan, ekonomi, bahasa dan cara negara disusun.

“Penjajah ini tidak keluar dengan mudah dan apabila dia keluar, dia sudah merasa yakin bahawa orang yang ditinggalkan masih lagi terikat dengan mereka. Masih ada kesan dan kita masih bergantung kepada apa yang diajarkan,” jelasnya.

Dato' Mohd Amar berkata, keadaan tersebut bukan hanya berlaku di Malaysia, malah turut dapat dilihat di negara-negara lain yang pernah melalui pengalaman penjajahan.

Sebagai contoh, katanya, pengaruh penjajahan masih dapat dilihat dalam penggunaan bahasa dan sistem pendidikan sesetengah negara meskipun penjajahan secara fizikal telah lama berakhir.

“Bagi kita pun, apabila penjajah keluar, kita menyusun negara ini mengikut acuan mereka, cara kita menyusun ekonomi dan pendidi-

kan.

“Walaupun Bahasa Melayu merupakan bahasa rasmi, penggunaan dan pengaruh bahasa Inggeris masih kuat. Ini salah satu contoh kesan cabaran pemikiran yang banyak melanda negara-negara termasuk kita,” jelasnya.

Dalam pada itu, beliau menjelaskan bahawa kemerdekaan dari sudut agama membawa pengertian yang lebih luas, iaitu manusia bebas daripada fahaman dan cara hidup yang bercanggah dengan syariah serta mengatur kehidupan berdasarkan kehendak Tuhan.

“Manusia yang merdeka ialah manusia yang mengatur hidupnya mengikut kehendak Tuhan dan tidak melanggar ajaran agama,” ujarnya.

Beliau menegaskan, kemerdekaan sebenar perlu diteruskan dengan usaha membebaskan masyarakat daripada pengaruh pemikiran yang tidak selari dengan identiti, nilai dan prinsip negara.

Jelajah KALA 2026 angkat warisan perkampungan nelayan



Oleh: Asri Hamat

KOTA BHARU, 18 Ogos - Jelajah KALA 2026 yang akan berlangsung dari 27 hingga 29 Ogos ini di Pantai Sri Tujoh, Tumpat, mengangkat tema ‘Warisan Perkampungan Nelayan’ dalam usaha mengetengahkan warisan masyarakat nelayan selain memperkukuh ekonomi komuniti setempat.

Pengerusi Jawatankuasa Pemandu KALA Perbadanan Kemasnegeri Kelantan (PKINK) yang juga Exco Kerajaan Negeri Kelantan YB Dato' Wan Roslan Wan Hamat berkata program berkenaan dianjurkan PKINK dengan kersama Koperasi Warisan Kampung Laut Berhad.

Katanya, Jelajah KALA 2026 dijangka menarik antara 10,000 hingga 15,000 pengunjung selain menghimpunkan 64 usahawan tempatan serta pelbagai agensi kerajaan.

“Program ini menggabungkan elemen keusahawanan, pelancongan, kebudayaan dan kemasyarakatan dalam satu platform.

“Antara pengisian yang disediakan termasuk jualan usahawan, pameran warisan nelayan, bengkel keusahawanan TikTok dan AI, program keagamaan, sukan rakyat, pertandingan keluarga, Fun Walk Warisan, Konvoi Merdeka serta persembahan kesenian dan kebudayaan.”

Beliau berkata demikian pada sidang media sempena Pra Pelancaran Jelajah KALA 2026 di Dewan Konvensyen Kelantan Trade Centre (KTC), hari ini.

Katanya lagi, pemilihan Pantai Sri Tujoh sebagai lokasi program bersesuaian dengan tema ‘Warisan Perkampungan Nelayan’ selain ka-

wasan berkenaan mempunyai persatuan nelayan dan jumlah nelayan yang ramai.

Menurutnya, program berkenaan turut memberi peluang kepada usahawan tempatan mempromosikan produk seperti ikan bekok, serondeng dan gelembung buaya yang menjadi antara produk kegemaran masyarakat.

“Program ini mendapat sambutan luar jangkaan daripada usahawan tempatan untuk mempromosikan produk mereka,” katanya.

Dato' Wan Roslan memaklumkan program akan berlangsung dari pukul 8.30 pagi hingga tengah malam dengan pelbagai pengisian termasuk persembahan kebudayaan, kesenian dan keagamaan.

Katanya, dua tokoh agama Ustaz Mokhtar Yaakob dan Ustaz Dusuki Rani, turut diundang bagi memenuhi acara keagamaan sempena Jelajah KALA 2026.

“Antara tarikan kepada orang ramai ialah program keagamaan

yang menampilkan dua tokoh berkenaan selain persembahan kesenian masyarakat Tumpat membolehkan masyarakat Siam, India, Cina dan Melayu.

“Masyarakat Siam akan mempersembahkan gedombak Siam, manakala masyarakat Melayu pula dengan persembahan dikir barat,” jelasnya.

Tambahnya, program itu turut diadakan bersempena Sambutan Hari Kebangsaan Malaysia Ke-69 bagi menyemarakkan semangat patriotisme dan memperkukuh perpaduan masyarakat.

Beliau optimis, Jelajah KALA 2026 berpotensi menjadi platform untuk mempromosikan Tumpat sebagai destinasi pelancongan komuniti dan warisan yang unik.

“Saya menyeru seluruh rakyat Kelantan dan masyarakat luar supaya hadir beramai-ramai bagi memeriahkan Jelajah KALA 2026 serta bersama-sama menyokong usahawan tempatan dan industri pelancongan negeri,” katanya.

RMMK Badang sedia kemudahan lengkap untuk komuniti – Dr Wan Martina

Oleh: Syamimi Manah

KOTA DARULNAIM, 18 Ogos - Projek Rumah Mampu Milik Kelantan (RMMK) Badang menyediakan kediaman pada harga berpatutan dan dilengkapi kemudahan lengkap bagi memenuhi keperluan komuniti setempat.

Ahli Dewan Negara YB Senator Dr Wan Martina Wan Yusoff berkata, penyediaan kemudahan seperti surau, dewan serbaguna, tadika dan premis perniagaan menjadikan pembangunan berkenaan lebih menyeluruh serta memberi nilai tambah kepada kehidupan penduduk.

“RMMK Badang bukan sekadar menyediakan rumah mampu milik, tetapi turut dilengkapi kemudahan yang diperlukan oleh komuniti. Pendekatan seperti ini penting supaya pembangunan perumahan turut mengambil kira aspek sosial dan kesejahteraan penduduk,” katanya ketika dihubungi, hari ini.

Antara kemudahan termasuk surau, dewan serbaguna, tadika, pejabat pengurusan, sembilan unit gerai dan enam unit kedai bagi me-



enuhi keperluan penduduk.

Kemudahan parkir pula merangkumi 360 petak parkir kereta bertutup di tingkat bawah setiap blok, 92 petak parkir motosikal serta sembilan petak khas bagi Orang Kurang Upaya (OKU).

Menurut Dr Wan Martina, projek tersebut turut memberi peluang kepada golongan rendah dan sederhana untuk memiliki kediaman sendiri pada harga yang lebih munasabah.

“Saya melihat projek ini sebagai satu usaha yang memberi peluang lebih luas kepada rakyat, khususnya golongan berpendapatan rendah dan sederhana, untuk memiliki kediaman sendiri pada harga yang lebih munasabah.

“Ini penting kerana pemilikan

rumah merupakan antara aspek yang berkait rapat dengan kestabilan dan kesejahteraan sesebuah keluarga,” ujarnya.

Beliau berkata demikian selepas menyertai Lawatan Kerja Jawatankuasa Pilihan Khas Hal Ehwal Sosial dan Masyarakat (JKPK HESM), Majlis Dewan Negara ke RMMK tersebut, semalam.

Dalam lawatan tersebut, delegasi JKPK HESM yang diketuai YB Senator Datuk Dr Hatta Ramli berkesempatan meninjau projek RMMK Badang di Jalan Pantai Cahaya Bulan (PCB), di sini, yang kini telah siap sepenuhnya.

Projek bernilai RM26 juta yang dibangunkan Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) itu melibatkan pembi-

naan tiga blok apartmen setinggi 10 dan 11 tingkat dengan keseluruhan 344 unit kediaman terdiri daripada Jenis A, B dan C.

Harga jualan yang dicadangkan antara RM45,000 hingga RM130,000, sekali gus memberi peluang kepada golongan berpendapatan rendah dan sederhana memiliki kediaman sendiri pada harga lebih berpatutan.

Turut hadir, Exco Kerajaan Tempatan, Perumahan, Kesihatan dan Alam Sekitar Kelantan YB Hilmi Abdullah, Pengerusi Kelab Penyokong Kerajaan (BBC) Kelantan YB Dato’ Abdul Rahman Yunus, Pengarah Bahagian Perumahan Kerajaan Negeri Kelantan Nik Azhar Nik Abdul Aziz serta pihak pengurusan PKINK.

Pemilik Warisan Rasa dinobatkan Ikon Usahawan Sayyidatina Khadijah DUN Wakaf Bharu



Oleh: Syamimi Manah

TUMPAT, 16 Ogos - Pemilik Restoran dan Katering Warisan Rasa Maznah Idris dinobatkan sebagai Ikon Usahawan Sayyidatina Khadijah DUN Wakaf Bharu 2026 pada Program Hari Sayyidatina Khadijah, semalam.

Ahli Dewan Negeri (ADN) Wakaf Bharu YB Mohd Rusli Abdullah berkata, pengiktirafan tersebut merupakan penghargaan

terhadap usaha Maznah dalam membangunkan perniagaan berasaskan makanan dan katering menerusi Warisan Rasa.

Katanya, Warisan Rasa bukan sahaja menjadi platform kepada Maznah mengembangkan bidang keusahawanan, malah mencerminkan peranan wanita dalam membina sumber pendapatan serta menyumbang kepada pengukuhan ekonomi keluarga dan masyarakat

setempat.

“Pengiktirafan ini menjadi penghargaan terhadap usaha Puan Maznah membina perniagaan dalam bidang makanan dan katering, selain menjadi contoh bahawa wanita mampu memainkan peranan besar dalam menggerakkan ekonomi keluarga dan masyarakat,” katanya di laman rasmi beliau, pada Sabtu.

Menurutnya, pengiktirafan Ikon

Usahawan Sayyidatina Khadijah DUN Wakaf Bharu 2026 itu diwakili oleh anak Maznah selepas beliau baru sahaja kehilangan suami, Allahyarham Azam Abbas, pada 4 Ogos.

Program Hari Sayyidatina Khadijah 2026 berlangsung di Dewan Imam As-Syafie, Masjid Wakaf Bharu dan dirasmikan oleh Ahli Parlimen Tumpat YB Dato’ Mumtaz Md Nawi.

Program berkenaan turut disertakan dengan pelbagai pengisian untuk wanita termasuk KelFit Senam Sihat, chairrobic, ceramah kesihatan, cabutan bertuah, persembahan marhaban serta penyampaian Skim Manfaat Armalah.

YB Mohd Rusli turut merakamkan penghargaan kepada Dato’ Mumtaz, seluruh urusetia, para peserta dan semua pihak yang bersama-sama menjayakan Hari Sayyidatina Khadijah 2026.



Anak muda perlu diberi peluang memimpin – Exco Belia

Usahawan FELDA disaran manfaat media sosial perkasa agro-pelancongan Kelantan

Oleh: Irham Hilmi Hashim

KOTA DARULNAIM, 17 Ogos – Usahawan khususnya generasi FELDA disaran memanfaatkan kekuatan media sosial secara strategik bagi memperluas pasaran produk tempatan selain memperkukuh sektor agro-pelancongan berasaskan komuniti di Kelantan.

Exco Kerajaan Tempatan, Perumahan, Kesihatan dan Alam Sekitar YB Hilmi Abdullah berkata, pendekatan tersebut mampu membantu usahawan membina jenama sendiri, memperkenalkan produk tempatan serta mengetengahkan keunikan makanan dan destinasi pelancongan negeri kepada khalayak lebih luas.

Menurutnya, perkembangan itu turut dapat dilihat menerusi usaha usahawan dan influencer Wan Nor Azilah Wan Dollah atau lebih dikenali sebagai “Kak Lah Yang Satu” bersama suaminya, “Pok Wa” yang aktif membangunkan keusahawanan komuniti di kawasan FELDA Perasu.

Beliau berkata, Kak Lah merupakan antara usahawan generasi baharu anak FELDA yang meneroka sektor agro-pelancongan menerusi pembukaan tapak perhemahan dan restoran di kawasan berkenaan.

“Pertemuan santai ini turut menjadi ruang untuk kami ber-



tukar-tukar pandangan mengenai potensi keusahawanan tempatan, sektor pelancongan berasaskan komuniti, produk makanan tradisional serta peranan media sosial dalam membantu usahawan kecil memperluaskan pasaran,” katanya menerusi perkongsian di media sosial selepas menerima kunjungan hormat usahawan berkenaan di pejabatnya, semalam.

Dalam pada itu, YB Hilmi turut memuji usaha Kak Lah dalam mempromosi dan mempopularkan hidangan tradisi Kelantan, khususnya nasi kerabu, menerusi platform media sosial.

Menurutnya, usaha mengetengahkan makanan tradisional melalui kandungan digital bukan sa-

haja membantu memperkenalkan produk kepada masyarakat, malah berpotensi meningkatkan tarikan terhadap destinasi dan aktiviti pelancongan berasaskan komuniti.

Sehubungan itu, beliau menyeru lebih ramai anak tempatan khususnya generasi FELDA wajar mengambil peluang meneroka bidang keusahawanan baharu dengan menggabungkan potensi sumber setempat dan penggunaan teknologi digital.

“Kerajaan Negeri amat mengalu-alukan lebih ramai anak tempatan khususnya generasi FELDA yang berani meneroka peluang baharu, membina jenama sendiri dan pada masa yang sama mengangkat

“

Kerajaan Negeri amat mengalu-alukan lebih ramai anak tempatan khususnya generasi FELDA yang berani meneroka peluang baharu, membina jenama sendiri dan pada masa yang sama mengangkat keunikan makanan, budaya serta destinasi menarik yang ada di Kelantan,”

keunikan makanan, budaya serta destinasi menarik yang ada di Kelantan,” katanya.

Tambahnya, perkembangan keusahawanan sedemikian turut berupaya memberi limpahan ekonomi kepada masyarakat setempat melalui peluang pekerjaan, aktiviti pelancongan dan peningkatan permintaan terhadap produk-produk tempatan.

Beliau turut merakamkan penghargaan kepada Puan Azilah atas kunjungan serta buah tangan yang dibawa, selain mendoakan agar segala usaha dalam membangunkan dan mempopularkan kawasan FELDA dipermudahkan serta dikurniakan rezeki yang luas dan berkat.

